

30 AUG 2003

Merdeka-Sambutan (Rangkuman)

DR MAHATHIR KETUAI SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DI DATARAN MERDEKA

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyertai lebih 100,00 orang membanjiri Dataran Merdeka di sini malam ini untuk menunggu detik 12 malam, tanda negara menyambut Hari Kebangsaan ke 46.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, isterinya Datin Seri Endon Mahmood dan beberapa menteri kabinet turut hadir pada majlis sambutan ambang merdeka itu.

Pelbagai program menarik disediakan untuk orang ramai sejak petang lagi.

Hujan renyai yang sekejap-sekejap turun tidak melemahkan semangat orang ramai untuk menunggu detik 12 malam di samping berhibur dengan pelbagai persembahan yang diadakan termasuk nyanyian artis tempatan, persembahan gendang pelbagai kaum, tarian tradisional, dan pertunjukan gimrama di pentas utama.

Para hadirin turut dihiburkan dengan konsert harmonika oleh 460 orang sebagai tanda penghargaan kepada Perdana Menteri.

Persembahan ini dicatatkan dalam Malaysia Book Of Records sebagai persembahan harmonika teramai dalam satu masa.

Dr Mahathir, Abdullah dan isteri masing-masing kemudian ditemukan dengan pencipta rekod negara antaranya ialah perenang maraton yang telah menyeberangi Selat Inggeris Datuk Abdul Malik Mydin, pereka kasut terkenal Datuk Jimmy Choo dan Siti Nurhaliza.

Dr Mahathir seterusnya mengetuai para hadirin untuk mengira detik 12 malam kira-kira 5 saat sebelumnya dan kemudian melaungkan Merdeka sebanyak tujuh kali.

Selepas itu buat pertama kali, lagu negaraku dengan irama baru berkumandang dinyanyikan beramai-ramai oleh para hadirin yang hadir diikuti dengan nyanyian lagu Jalur Gemilang dan Keranamu Malaysia.

Acara sambutan seterusnya dimeriahkan lagi dengan pertunjukan bunga api.

Menjelang tengah malam, hampir keseluruhan jalan menghala ke bandaraya sesak dengan kenderaan dan beberapa orang yang sedang berpesta dengan melaungkan "Merdeka" kepada orang lalu, dapat mententeramkan mereka yang terperangkap dengan kesesakan kenderaan itu.

Orang ramai mula berkumpul di pelbagai tempat pada ambang Merdeka ini sejak awal petang untuk memastikan mereka mendapat tempat yang terbaik bagi acara itu.

Selain Dataran Merdeka, kawasan utama lain yang menjadi tumpuan ialah Bintang Walk dan Kuala Lumpur City Centre (KLCC) yang turut mengadakan konsert khas menyambut Hari Kebangsaan.

Di Bintang Walk, yang terletak di kawasan membeli-belah paling sibuk di sepanjang Jalan Bukit Bintang, orang ramai lebih banyak bercampur dengan pelancong untuk mengambil kesempatan setahun sekali ini menyaksikan multi warna Malaysia dan orangnya.

Pertunjukan bunga api dan hiburan diadakan untuk mereka yang memenuhi Jalan Bukit Bintang bagi menyambut Hari Kebangsaan.

Sementara itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mula memasang lampu pada pukul 7 malam, meningkatkan lagi imej sebagai satu bandaraya bercahaya.

Berhadapan dengan dataran itu, Jayabarathi Letchemanah, 18 tahun menarik kereta TD2000 seberat 4.8 tan dengan rambutnya di Jalan Raja, mahu

memecahkan rekod pada the Malaysian Book of Records.

Di JOHOR, sambutan Ambang Kemerdekaan bermula dengan majlis tahlil dan doa kesyukuran di Masjid Jamek bandar Tangkak yang turut disertai Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman dan anggota Exco kerajaan negeri serta para pegawai tinggi kerajaan sebaik selepas solat Maghrib.

Sejak pukul 8.45 malam, walaupun hujan orang ramai yang dianggarkan mencecah 10,000 orang masih berhimpun di Dataran Ledang menanti tibanya detik 12 tengah malam untuk meneriakkan kata keramat "Merdeka", yang diketuai Abdul Ghani.

Ini diikuti pertunjukan bunga api selama kira-kira 30 minit, yang merupakan pertunjukan terbesar seumpamanya pernah diadakan di sini.

Sebelum itu orang ramai dihiburkan dengan pertunjukan kebudayaan semua kaum.

Sambutan Hari Kebangsaan peringkat negeri Johor diadakan di Tangkak pada tahun ini manakala semua daerah juga mengadakan sambutan masing-masing esok, lengkap dengan perarakan kontinjen perbarisan dan penyampaian amanat Menteri Besar yang akan dibacakan anggota-anggota Exco.

Di PUTRAJAYA, orang ramai membanjiri padang Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya di Presint 8 bagi menyambut Ambang Merdeka.

Sebelum ke Dataran Merdeka, Dr Mahathir dan Abdullah bersama isteri masing-masing meluangkan masa kira-kira sejam di sini untuk mengikuti acara yang diadakan termasuk konsert dan persembahan bunga api.

Buat julung kali, Putrajaya akan menjadi tempat berlangsungnya upacara perbarisan dan perarakan Hari Kebangsaan di Boulevard esok yang dijangka menarik lebih 300,000 pengunjung.

Di PERAK, sambutan ini diadakan di Dataran Lumut, yang dihadiri kira-kira 25,000 yang mula memenuhi dataran tersebut sejak 5 petang ini.

Sambutan dimulakan pukul 8 malam dengan tayangan filem patriotik, persembahan artis-artis tempatan, persembahan kesenian dan bacaan sajak serta puisi.

Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, exco-exco kerajaan negeri dan pegawai tinggi kerajaan negeri tiba tepat pukul 10 malam untuk sama-sama meraikan sambutan tersebut.

Tepat pukul 11.59 malam Menteri Besar memulakan upacara detik saat diikuti laungan Merdeka sebanyak tujuh kali. Serentak itu, lagu Negaraku dimainkan diikuti lagu Jalur Gemilang dan Keranamu Malaysia.

Majlis diakhiri dengan pertunjukkan bunga api selama 10 minit yang dilepaskan dari laut.

Di KUALA TERENGGANU, hanya kira-kira 4,000 orang telah berhimpun di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah di sini malam ini bagi memeriahkan sambutan Ambang Merdeka peringkat negeri Terengganu.

Keadaan hujan pada malam ini antara punca tidak ramai orang datang bagi menyambut Ambang Merdeka di stadium itu yang bermula pada pukul 9 malam.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Petroleum, Perindustrian dan Sumber Manusia Datuk Mustapa Ali mewakili Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang melaungkan Merdeka sebanyak tujuh kali dan diikuti dengan tiga kali takbir pada acara kemuncak pada detik 12 malam.

Majlis turut dihadiri Setiausaha Kerajaan Datuk Ku Abdul Azah Syed Alwee, anggota exco dan pegawai tinggi kerajaan, dimulakan dengan perarakan masuk ke stadium 1,000 buah motosikal membawa jalur gemilang diikuti pembacaan sajak, nyanyian lagu-lagu patriotik dan juga persembahan nasyid.

Di PULAU PINANG, lebih 10,000 orang membanjiri Padang Kota Lama di sini untuk menyaksikan pelbagai acara sambutan Ambang Kemerdekaan serta "count down" menjelang pukul 12 tengah malam ini.

Pengerusi Majlis-majlis Rasmi Kerajaan Negeri, Datuk Yahaya Abdul Hamid, yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri berkata, pelbagai acara diatur untuk sambutan Ambang Kemerdekaan itu yang bermula pada pukul 8.30

malam.

Katanya, antara acara itu ialah persembahan kombo P.Ramlee, kesenian rakyat, lagu-lagu patriotik oleh kumpulan koir Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), boria, lawak jenaka serta deklamasi puisi dan gurindam pelbagai etnik.

Sebaik sahaja tepat pukul 12 malam, orang ramai bersorak gembira dengan laungan merdeka diikuti dengan Jalur Gemilang dinaikkan sambil mereka menyanyikan lagu "NegaraKu".

Sebaik sahaja selesai bendera dinaikkan, orang ramai juga dihiburkan dengan pertunjukan bunga api.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan exco-exco kerajaan negeri turut hadir pada sambutan itu.

-- BERNAMA

ZU BK